

23

Penerapan Paul's Wheel of Reasoning dalam Perbualan Berdasarkan Video

Daniel Phua

hua_phua_tai_lai@moe.edu.sg

Ramna Johana

ramna_johana@moe.edu.sg

Sekolah Menengah St Hilda's

Abstrak

Pengajaran rutin pemikiran yang berkesan dalam perbualan harian serta memberi hujah yang tepat berdasarkan tema video merupakan suatu cabaran bagi guru Bahasa Melayu di Sekolah Menengah St Hilda's. Seramai 15 orang pelajar Menengah Dua Aliran Normal Akademik telah terlibat dalam kajian ini untuk menggunakan rutin pemikiran yang produktif ini. *Paul's Wheel Of Reasoning*, suatu kaedah penghujahan yang digunakan seiring dengan rutin pemikiran *See-Think-Wonder* telah dapat menaikkan pertuturan, penerangan, bahasa dan keterikatan isi pelajar dalam komponen perbualan agar menjadi lebih baku, jelas dan bernas. Penggunaan perisian *ICT* seperti *QR Code*, *GoogleDocs*, *Socrates* berperanan sebagai pemangkin proses pembelajaran bagi meningkatkan kecekapan *Self-Directed Learning* (SDL) dan *Collaborative Learning* (CoL) pelajar serta melengkapkan pedagogi guru untuk mengajar kaedah penghujahan ini.

Kata Kunci: *Paul's Wheel Of Reasoning*, penghujahan, bahasa dan keterikatan



PENGENALAN

Pengajaran rutin pemikiran merupakan suatu cabaran bagi guru-guru Bahasa Melayu di Sekolah Menengah St Hilda's lebih-lebih lagi dengan pelaksanaan komponen perbualan video seminit bagi peperiksaan lisan bagi aliran Ekspres dan Normal Akademik pada tahun hadapan. Perubahan dari gambar ke video memerlukan guru mengemaskinikan pedagogi selain daripada memenuhi Kompetensi Pembelajaran Kendiri Tahap 3 menerusi aktiviti pembelajaran, para pelajar berbincang dan menetapkan matlamat pembelajaran, mengurus serta memantau pembelajaran sendiri. 'Roda Penghujahan Paul' merupakan suatu wahana pemikiran kritis yang terdiri daripada 8 elemen pemikiran untuk mempersoal pendapat, idea dan perspektif. Menerusi pemikiran yang produktif dan kritis ini, para pelajar dapat mengembangkan idea serta memberikan respon peribadi dengan lebih lancar.

PERNYATAAN MASALAH

Rata-rata, para pelajar Menengah 2 Aliran Normal Akademik bukan sahaja tidak biasa dengan perbualan berdasarkan video seminit malah tidak dapat membuat inferens apakah isu di sebalik video. Mereka perlu membuat andaian yang tepat tentang isu video yang hanya ditayangkan selama seminit berbanding dengan penelitian gambar sebelumnya. Berdasarkan rubriks penilaian bagi bahagian lisan, perbualan bagi peperiksaan akhir tahun lepas juga tidak menunjukkan peningkatan dalam kelancaran dan isi. Pada 2016, rubriks penilaian akan lebih memberatkan respons peribadi, perkembangan idea serta bahasa dan kelancaran. Menerusi kajian pengajaran yang dijalankan, diharapkan dapat membantu dalam pengembangan dan keterikatan idea menerusi informasi, sudut pandangan, kesan dan implikasi, sebahagian daripada lapan elemen 'Roda Penghujahan Paul'.

TUJUAN KAJIAN

Kajian pengajaran ini adalah untuk melihat keberkesanan 'Roda Penghujahan Paul' dalam melestarikan kaedah penysoalan pelajar yang telah biasa dengan rutin pemikiran *See, Think and Wonder* (STW). Rutin STW ini dikembangkan menerusi penjaanaan soalan yang berdasarkan Informasi, Sudut Pandangan



dan Kesan Implikasi yang dijalankan dalam 4 sesi pengajaran.

Kedua, pelaksanaan komponen perbualan video seminit bagi peperiksaan lisan bagi aliran Ekspres dan Normal Akademik tahun hadapan menghendaki para pelajar menghuraikan tema dengan pemikiran yang lebih kritis selain mengambil kira respons peribadi. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk:

1. Menilai keberkesanan penerapan 'Roda Penghujahan Paul' ke dalam perbualan berdasarkan video; dan
2. Membina soalan berkualiti bagi Perancangan Pemikiran.

KAJIAN LEPAS

Ellin Keene (2008) menyatakan proses pemahaman yang kompleks dalam bacaan memerlukan strategi pemikiran yang ketara untuk menyokong usaha pemahaman manakala James Hiebert et. al. (1997) berkata bahawa pembelajaran Matematik bukan setakat menghafal prosedur pengiraan.

Refleksi berstruktur telah dibuktikan sebagai satu cara untuk meningkatkan pemahaman dan penyelesaian masalah (Eyleer dan Giles, 1999). Apabila pelajar menjadi lebih sedar akan pemikiran, strategi dan proses, metakognitif mereka akan menjadi lebih aktif, (Ritchhart, Turner dan Hadar, 2009). Kajian tentang pemahaman, setelah dilaksanakan dalam Project Zero, menunjukkan pemahaman wujud kesan daripada aplikasi, analisa, penilaian dan penciptaan (Wiske, 1997).

Pengajaran untuk Pemahaman atau *Teaching for Understanding* (TFU), (Blythe dan Associates, 1998) dan Pemahaman Melalui Reka cipta atau *Understanding By Design* (UBD), (Wiggins and McTighe, 1998) adalah merupakan dua alat perancangan kurikulum terkini yang boleh membantu guru untuk memfokus pada pemahaman.

KAEDAH KAJIAN

Kajian ini merupakan Kajian Pengajaran yang menggunakan model Gary Appel dan Jennifer Stepanek (2007) dan dijalankan dengan kaedah pendekatan analisis kuantitatif dan kualitatif.



Subjek Kajian

Subjek kajian adalah 15 orang pelajar Menengan 2 Normal Akademik yang terdiri daripada pencapaian Tinggi, Sederhana dan Rendah. Pemilihan pelajar dalam kajian adalah berdasarkan keputusan Peperiksaan Lisan Akhir Tahun 2014 dan hanya tertumpu kepada perbualan berdasarkan gambar dari aspek penerangan dan bahasa. Namun kajian pengajaran kali ini menggunakan video sebagai pencetus respons peribadi dan pemikiran kritis tentang jenis soalan berdasarkan 'Roda Penghujahan Paul'.

Prosedur Kajian

Bagi prosedur kajian, pengajaran pembezaan dilaksanakan dengan dibahagikan kepada tiga kumpulan berdasarkan keupayaan dan bahasa. Namun, disebabkan para pelajar 2NA rata-rata lemah, jadi pembahagian berdasarkan HA, MA, dan LA tidak dijalankan. Sebuah sesi kuliah kecil untuk menerangkan 'Roda Penghujahan Paul', di mana tiga elemen pemikiran iaitu andaian, sudut pandangan, kesan dan implikasi telah dijalankan.

Proses pencerapan dan pemerhatian akan dilakukan oleh guru-guru yang terlibat dalam pemerhatian. Perincian diberikan kepada pembelajaran sosial dan emosi (SEL) para pelajar seperti gerak tubuh, interaksi dan komen-komen yang membina untuk memastikan keterlibatan pelajar.

Instrumen Kajian

Instrumen kajian merupakan praujian dan pascaujian yang dijalankan untuk mendapatkan data. Melalui proses kajian pengajaran, rancangan pengajaran telah digubah dan diajarkan kepada kumpulan yang berbeza setelah menganalisis dapatan daripada pencerapan mini kuliah, kerja kumpulan, sesi reviu dan forum mini.



Rajah 1: Putaran Analisis Paul



DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Antara pemerhatian tentang video seminit adalah ia amat singkat dan tidak mempunyai sari kata. Walaupun telah diulang tayang beberapa kali semasa persediaan, pelajar masih didapati payah untuk mengenal pasti tema tentang video itu. Kedua, bukan semua elemen pemikiran produktif dapat dijalankan kerana kerelevanannya hanya bergantung kepada tema video yang diajarkan.

Penghujahan isi juga bergantung kepada tahap kepayahan video dan soalan-soalan yang berkualiti harus diselaraskan agar dapat diadaptasikan ke kelas lain. Rutin pemikiran STW telah diperhalus lagi dengan penyesuaian kaedah 'Roda Penghujahan Paul' terutama pembentukan soalan berkualiti.

Cabaran pembelajaran sendiri tahap 3.0 yang memerlukan pelajar berbincang dan menetapkan matlamat pembelajaran, mengurus serta memantau pembelajaran sendiri dapat dilaksanakan menerusi *GoogleDocs* dan *Socrates* sebagai wahana bagi para pelajar menetapkan matlamat pembelajaran serta menguruskan nota dan hasil perbincangan kelas bagi forum mini.

Kelas dibahagikan kepada 4 bahagian:



1) Kuliah Mini tentang Roda Penghujahan Paul

Dalam kuliah ini, para pelajar didedahkan kepada tiga segmen daripada 'Roda Penghujahan Paul', iaitu Informasi, Sudut Pandangan dan Kesan dan Implikasi.

Pelajar mendapati payah untuk mengelaskan jenis soalan kepada 3 segmen ini. Oleh itu, guru harus menyediakan soalan rangsangan untuk bimbingan lebih lanjut.

1. Kerja Kumpulan

Dalam kerja kumpulan, mereka membentuk soalan-soalan tentang Nyamuk Aedes dan Penyakit Denggi. Soalan-soalan yang dijanakan akan ditanyakan semasa mini forum di mana para pelajar memainkan peranan seperti juruacara, doktor, pesakit, pegawai NEA dan sebagainya.

2. Reviu

Dalam kaji semula pengajaran, apakah soalan yang bermutu yang dilanjutkan dari 5W1H dan juga persediaan untuk main peranan kemudian.

a. Jenis soalan Informasi

Ciri-ciri adalah meletakkan diri sendiri dalam situasi.

Contoh soalan Informasi:

Jika kamu berada di sana, apakah yang akan kamu lakukan?

Jika kamu salah seorang daripada mereka, bagaimanakah perasaan kamu?

Respons peribadi: Guna sebanyak mana informasi yang didapati dari video dan contoh respons adalah:

Meluahkan perasaan kamu sebagai contoh Video Aktiviti Keluarga:

Jika saya berada di sana, saya akan berasa gembira kerana...



Menyatakan apa yang kamu buat atau hendak lakukan:
Saya suka bergelongsor ais dengan keluarga kerana ...

b. Sudut Pandangan

Soalan-soalan yang dijana adalah seperti memberikan pandangan atau pendapat:

Setujukah...
Patutkah...
Adakah perlu...
Bolehkah...

Berikan pendapat kamu dan nyatakan pengalaman peribadi dan mengapa ia penting bagi kamu.

c. Kesan dan Implikasi

Apakah kesan baik atau buruk jika sesuatu tidak dilakukan?
Apakah akibat yang akan berlaku jika...

Respons bebas: i) Tekankan pentingnya TEMA
ii) Berikan kesan utama jika ia tidak dilakukan
iii) Berikan contoh-contoh yang relevan

Jika tidak ...
Apakah kesannya ...
Apakah masalah yang mungkin berlaku sekiranya...
Apakah yang boleh berlaku jika...

3. Forum Mini

Dalam Forum Mini, para pelajar dikehendaki memainkan peranan untuk menjawab soalan-soalan yang telah dibincangkan semasa kerja kumpulan tentang tema Nyamuk Aedes.



Pembelajaran Kendiri perlu memenuhi tiga kriteria iaitu:

1. milik pembelajaran
2. pengurusan dan pemantauan pembelajaran
3. melanjutkan pembelajaran sendiri

Menurut Guru Kanan Sekolah Tinggi Dunman, Puan Tan-Lim Bee Kee, hambatan kepada pemikiran kritis menerusi penyoalan berkualiti adalah seperti berikut:

1. Kemahiran membaca yang lemah

Input bahasa yang mantap perlu disemaikan menerusi aktiviti membaca sendiri, namun cabaran terawal adalah untuk menjinak-jinakkan para pelajar yang tidak biasa membaca buku dalam Bahasa Melayu yang terdapat di perpustakaan. Dengan kosa kata yang berkembang, barulah 'Roda Penghujahan Paul' dapat digunakan dengan lebih berkesan.

2. Kemahiran mendengar yang lemah

Rata-rata para pelajar mendengar apa yang dinyatakan dalam video tetapi adakalanya tidak memahami erti mesej yang hendak disampaikan dan ini akan menjejaskan pemahaman mereka. Ternyata mereka perlu fokus pada tema utama dan boleh menghuraikan dengan menyakinkan.

3. Kurangnya informasi latar yang relevan

Informasi latar dapat diperolehi jika mereka melakukan prabaca, menonton dan menghayati video yang ditayangkan dan mengaitkan dengan pengalaman sendiri.

KESIMPULAN

Pemikiran kritis bermula dengan beberapa soalan dan soalan-soalan ini berbentuk 5W 1H menerusi wahana STW. Namun apabila penghujahan berlaku, para pelajar akan dilatih untuk membuat andaian namun andaian itu mungkin kurang tepat. Untuk meneliti hujah pelajar, guru perlu memberikan tumpuan



kepada elemen penyoalan berkualiti berdasarkan 'Roda Penghujahan Paul'. Adakah para pelajar dapat membuat kesimpulan yang tepat berdasarkan hujah-hujah mereka dan jika tidak, bagaimana guru harus lebih berusaha membimbing pelajar membuat kesimpulan.

Guru-guru berikut turut serta dalam kajian yang dijalankan.

- Maznah Rashid
- Nur Khairiani Jamal

RUJUKAN

- McTighe Jay, Jay & Wiggins Grant (2004). *Understanding By Design: Professional Development Workbook*, ASCD.
- Ritchhart, Morrison, and Church (2011). *Making Thinking Visible*, Jossey –Bass.
- Tan-Lim Bee Kee (2015). Deepening Critical Thinking Through Paul's Elements of Thoughts, ST Dunman High (Workshop).
- Walsh J.A. & Sattes B.D. (2011). *Thinking through Quality Questioning: Deepening Student Engagement*. Thousand Oaks, CA: Corwin.

